
[BIL. 37 JUL 2019](#)

UMP *ranking* 101-150 dalam penarafan 50 universiti muda

Menganjak umur 17 tahun penubuhan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) tersenarai buat pertama kali ke dalam kumpulan 101-150 dalam penarafan 50 universiti muda terbaik dunia 2019 yang disenarai dalam *QS Top 50 under 50* pendidikan tinggi dunia *Quacquarelli Symonds* (QS) pada 2 Julai 2019.

Berada di kelompok 101-150 bersama dengan rakan MTUN iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal kini berada di landasan yang baik dan mampu menawarkan kualiti pendidikan, penyelidikan, khidmat setanding dengan universiti ternama dunia. Tahniah! Warga UMP.

UMP, Kuantan Port jalin kerjasama dalam meningkatkan ta

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Kuantan Port (KP) bagi pelaksanaan kaedah Pengurusan Risiko dan Pematuhan serta penawaran khidmat latihan dalam meningkatkan pengurusan tadbir urus korporat.

Ini akan membantu meningkatkan tanggungjawab pekerja kepada organisasi sekali gus dapat mengurangkan risiko reputasi.

Dengan kepakaran penyelidik daripada Pusat Tadbir Urus & Integriti di Fakulti Pengurusan Industri (FI) UMP akan terlibat dalam melatih kakitangan pengurusan di KP ini.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Timbalan Naib Canselor UMP, Dr. Kamal Zuhairi Zamli memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Pengarah Eksekutif KP, Wong Yee Keng, KP, Mohd. Mahayudin Mohd. Hashim pada 21 Jun 2019 yang lalu.

Hadir sama Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) merangkap Ketua Penyelidik, Profesor Dato' Dr. Hasnah

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, kecemerlangan pencapaian sesebuah organisasi mampu direalisasikan yang melibatkan tadbir urus, etika, integriti dan ketelusan ditangani dengan cekap dan berkesan oleh sesetengah pihak yang terlibat. Beliau berharap agar semua pihak yang terlibat dapat melaksanakan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab dan berkesan.

“Pembudayaan dan pengalaman nilai integriti dan tadbir urus yang baik ini tidak terhad kepada sektor awam sahaja. Ia juga dapat diterapkan dalam sektor swasta, organisasi awam seperti UMP dan organisasi lain yang berkaitan.”

“Kepelbagaian latar belakang akademik staf seperti pengurusan, perakaunan, kewangan, ekonomi, sains dan teknologi yang dimiliki UMP merupakan satu kelebihan bagi membolehkan kajian interdisiplinari berkaitan tadbir urus dan integriti dijalankan dengan kerjasama dengan KP ini,” katanya.

Kajian Penilaian Sistem Integriti Korporat yang dilaksanakan menggunakan rangka kerja Tanda Aras Etika Integriti (TAEI) oleh Joan Elise Dubinsky dan Alan Richter (2008/2009) meliputi 13 dimensi organisasi.

Universiti turut menawarkan khidmat latihan berkaitan etika, integriti dan tadbir urus kepada kakitangan UMP. Program latihan ini akan merangkumi konsep etika dan integriti, pengurusan risiko dan *Anti-Bribery Management System*.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Hasnah berkata, menjadi kepentingan bagi sesebuah organisasi untuk melaksanakan tadbir urus yang baik. Beliau berharap kajian ini akan membantu organisasi dalam memacu pertumbuhan organisasi selain mengawal dan mencorak pengurusan organisasi.

Ujarnya, kedua-dua pihak percaya hasil kajian ini akan dapat memberi manfaat yang besar kepada KP. Beliau berharap kajian ini dapat memberi gambaran penilaian diri yang akan digunakan untuk mengukur dan menilai tahap integriti dan etika KP di tempat kerja.

Seramai 11 orang penyelidik UMP yang akan terlibat dalam menentukan tahap etika dan integriti kakitangan UMP.

Melalui program latihan ini, kakitangan pengurusan KP akan diberi taklimat, seminar serta soal jawab dan ujian.

Penyelidikan ini akan mengambil masa tidak kurang daripada dua bulan manakala program latihan pula akan mereka akan menerima sijil penyertaan apabila tamat latihan nanti.

***'ErgoSpillBag'* beg khas tangani tumpahan bahan kimia**

Oleh: MIMI NABILA MOHD NOORDIN, FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Universiti Malay *'ErgoSpillBag'* bagi membantu pengguna makmal untuk bertindak dengan cepat sekiranya berlaku sebarang tumpahan dalam makmal.

Beg ini mengandungi *'Chemical Spill Kit'* dan mempunyai ciri-ciri yang lebih ringan, lebih kecil, ergonomik dan mudah digunakan dalam makmal.

Menurut Pegawai Sains FTeK yang juga merupakan Ketua Kumpulan KIK, Ikram Safiee, kebiasaannya makmal FTeK diletakkan di dalam tong yang bersaiz besar yang beratnya melebihi 30 kg sekiranya mengandungi bahan kimia yang berkunci serta berada jauh daripada makmal yang menggunakan bahan kimia.

"Susunan kit di dalam tong yang agak tidak sistematik juga menyukarkan pengguna makmal sekiranya berlaku tumpahan bahan kimia.

"Ini menyebabkan respons yang lambat daripada pengguna makmal untuk mengendalikan kerja-kerja tangkit tumpahan bahan kimia," katanya.

Justeru, pihaknya membangunkan satu produk *'ErgoSpillBag'* yang direka mengikut spesifikasi ergonomik yang seberat lebih kurang 7kg, mempunyai pemegang beg yang boleh laras, mempunyai ruang yang sistematis dan mudah diakses yang tidak memiliki sudut dan sisi tajam serta dilengkapi dengan penyangkut dinding agar boleh digantung.

"Tumpahan bahan kimia adalah satu insiden kecemasan yang besar kemungkinan akan berlaku di mana-mana makmal kimia.

"Respons yang pantas daripada pengguna makmal untuk mengendalikan tumpahan tersebut amat diperlukan untuk melindungi terhadap kesihatan manusia," katanya.

Manakala menurut Penyelaras Kumpulan, Mimi Nabila Mohd Noordin pula, projek ini telah dibangunkan untuk meningkatkan keselamatan staf, pelajar dan sesiapa sahaja yang berada di dalam Makmal FTeK yang menggunakan bahan kimia.

“Inisiatif ini selari dengan kehendak Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di fakulti serta se 1800:2007.

“Beg ini juga memudahkan pengguna makmal mengendalikan kerja-kerja pembersihan tumpahan bahan ‘*Emergency Response Plan*’ di makmal FTeK.

“Sekiranya berlaku tumpahan bahan kimia di makmal, staf perlu mengambil ‘*ErgoSpillBag*’ yang telah ters terdapat di dalam beg mengikut susunan nombor penggunaan berdasarkan kepada manual yang terdapat

Projek yang dibantu oleh Dr. Ezrin Hani Sukadarin, Joharizal Johari, Hairunnisa Osman, Mohamad Hafiz dan Mohd Azlan Sayuti ini berjaya meraih Anugerah Emas semasa Mini Konvensyen *Team Excellence* M 2019 yang lalu.

MHeLFAGV ciptaan penyelidik UMP bantu angkat beba

Prihatin terhadap permasalahan dalam industri mendorong sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia *Loaded Forklift Autonomous Guided Vehicle* (MHeLFAGV) bagi menyelesaikan masalah untuk mengangkut kg hingga 60 kg daripada stor kilang yang agak sempit ke bilik pemeriksaan dalam masa tidak lebih dari 20

Pada kebiasaannya industri tersebut menggunakan jentera forklift yang sesuai untuk mengangkat barang agak besar tidak sesuai untuk mengangkat muatan di dalam stor yang mempunyai luas yang terhad dan se

Ketua Penyelidik yang merupakan Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Ir. penghasilan produk bermula apabila pihak Vacuumschmelze (M) Sdn. Bhd (VAC) telah menjerumuskan menyelesaikan masalah mereka.

Justeru bermula perbincangan dan pembangunan MHeLFAGV mengikut kehendak industri. Penyelidik rakannya, Ir. Dr. Akhtar Razul dan idea ciptaan ini mendapat cetusan daripada Pengurus Besar, Vacuum Zakaria dan siap pada tahun lalu.

Bagi Ir. Dr. Addie yang merupakan anak kelahiran Pahang ini berkata, produk ini direka bentuk dengan penggulung besi yang berat akan dimasukkan ke dalam mesin sebelum bergerak ke tempat yang hendak bergerak.

“Ia satu kelainan berbanding jentera *forklift standard* yang berada di pasaran. Selain itu, dengan penggulung *wheel*, membolehkan mesin ini bergerak pelbagai arah dan berpusing setempat tanpa mengambil jalan pusingan untuk memasuki sesuatu lorong,” katanya.

Selain itu, MHeLFAGV ini juga mudah untuk bergerak di kawasan sempit dan kurang kebarangkalian u dengan dinding bersebelahan atau tersekat.

Beliau berharap pihak industri berpuas hati dengan hasil inovasi ini dan mampu memudahkan pekerja m kawasan stor atau inventori di VAC, Pekan.

Pada masa yang sama kedua-dua pihak merancang untuk mendapatkan dana bagi menambahbaik fungsi

Ujarnya, pelan penambahbaikan adalah pada proses pengangkutan yang lebih cepat dengan sistem auto dan *artificial intelligent* termasuklah mekanisma mekanikal yang unik.

Dalam pada itu, reka bentuk robot ini dapat diperluaskan, ditambah baik dan dipasarkan untuk aplikasi-ap pelbagai versi.

Keberkesanan Program Jangkauan STEM tarik minat pelajar berasaskan Teknologi

Oleh: PROFESOR MADYA DR. NURUL HAZLINA NOORDIN

e-Mel: hazlina@ump.edu.my

Dunia kita pada hari ini adalah berasaskan teknologi dan maklumat. Kepesatan pembangunan teknologi berpengetahuan dan mahir khususnya dalam bidang berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matem meningkat pada tahun akan datang.

Untuk menjadi relevan dan kompetitif dalam pasaran kerja ini, graduan bukan sahaja perlu menguasai STEM dan mempelajari ilmu pengetahuan baharu, mereka juga perlu menguasai kemahiran abad ke-21 s masalah, pemikiran kritis dan kreatif.

Cakna akan *trend* tersebut, sistem pendidikan di Malaysia tidak terkecuali dari memberikan penekanan kurikulum khususnya di peringkat pendidikan sekolah menengah, seperti mana termaktub di dalam Pendidikan STEM ini diadaptasi secara formal, melalui subjek seperti Reka Bentuk Teknologi dan Asas pelajar sekolah dalam aktiviti kokurikulum melalui kelab Robotik dan kelab STEM.

Pendedahan terhadap kemahiran STEM ini turut dijalankan melalui program jangkauan STEM (*STEM C Tinggi (IPT)* serta syarikat-syarikat berasaskan STEM, dengan penganjuran aktiviti yang meng sebenar (*real-environment experience*) seperti reka bentuk sistem robotik, sistem telekomunikasi ele universiti serta perkongsian pengalaman berjaya dalam dunia STEM.

Selain dari peningkatan jumlah pelajar yang menceburi aliran Sains, rata-rata motivasi utama inisiatif prog minat pelajar sekolah ini untuk menceburi kerjaya bagi memenuhi tuntutan kerjaya yang menekankan a dinyatakan. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan melalui program pemerksaan STEM ini kebiasaannya melangka Bagi memastikan pelajar dapat merasai pengalaman aplikasi konsep STEM dalam dunia sebenar, aktiviti kandungan yang secukupnya di samping pendekatan berfokus dalam pelaksanaannya.

Oleh kerana norma penglibatan pelajar sekolah adalah secara sukarela dalam pelaksanaan program jang mereka meneroka minat dan kebolehan dalam bidang STEM melalui dorongan motivasi intrinsik (*intrinsic motivasi luaran (extrinsic motivation)* yang kebiasaannya disandarkan pada kejayaan memperoleh gred c sesuatu pertandingan, motivasi intrinsik pula dipacu melalui kepuasan pelajar dalam meneroka dan terdahulu menunjukkan pelajar dengan dorongan motivasi intriksik lebih cenderung untuk menceburi kerjay

Terdapat beberapa faktor yang dititikberatkan dalam pelaksanaan sesuatu program jangkauan STE berstruktur dan tenaga pengajar (*mentor*) berpengetahuan dalam bidang pengkhususan STEM tersebut. sebagai aktiviti ko-kurikulum ini kebiasaannya mengadaptasi format mentor-mentee yang mana ternaga membimbing dan menyelia aktiviti berasaskan kemahiran STEM tersebut.

Dalam konteks ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) memberi galakan sepenuhnya kepada pensy pascasiswazahnya terlibat sebagai mentor dalam program-program jangkauan STEM ini. Antara forma pelaksanaan program jangkauan ini pula adalah seperti aktiviti hands-on, boot-camps, lawatan dan akti perkongsian pengalaman oleh mereka yang terlibat secara langsung dalam dunia STEM.

Dalam mengukuhkan pendidikan STEM, UMP dengan kerjasama Motorola Solutions Foundation dan Mala telah menubuhkan UMP STEM Lab yang telah memberi manfaat kepada lebih 2,500 murid dan 200 gr *Arduino Programming, Open-Source Robotics*, konsep pengaturcaraan mikro pengawal, sistem automa (IoT).

Penganjuran Kolokium Pendidikan STEM anjuran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pen Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan UMP baru-baru ini juga merupakan satu dari kebolehan guru dalam bidang STEM. Kolokium ini dilaksanakan dengan kerjasama institusi pengajian berkonsepkan perkongsian pintar bertemakan '*Curious Mind Inspires Discoveries*' atau minda ingin tahu i imiginasi dan kreativiti yang menimbulkan persoalan apa, mengapa, bagaimana, di mana dan bila yang akh

Dunia hari ini dikelilingi dengan kemajuan teknologi yang ada hubung kait dengan ilmu STEM dan sifat menguasai ilmu ini. Ianya penting bagi memastikan guru-guru mendapat pendedahan dan maklumat terk bidang yang menjadi tumpuan di seluruh dunia. Kolokium ini menyediakan platform bagi pertukaran ilmu at

STEM dalam kalangan tenaga pengajar, pakar dalam industri serta IPT.

Ia turut membolehkan kerjasama strategik antara KPM dengan agensi kerajaan serta bukan kerajaan memberi manfaat yang besar kepada guru dan murid di Malaysia.

Kolokium ini juga dapat meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran STEM melalui pendekatan Po meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru dan meningkatkan kesedaran murid dan orang awam terhadap ini.

Keberhasilan yang diharapkan melalui penekanan kepada pendidikan STEM ialah murid yang boleh berfikir teknologi dan menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif. Ini bagi menyediakan sumber tenaga ke ekonomi negara.

Penulis ialah Pengarah Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (ICoN), Universiti Malaysia Pahang

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabtah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap artikel yang diterima. Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau tidak mengubah isi tulisan. Karya yang disiarkan tidak dapat dikembalikan. Karya yang diterbitkan adalah berdasarkan pendapat dan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang diterbitkan adalah berdasarkan kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau tidak mengubah isi tulisan.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, adalah berdasarkan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penanggungjawab.

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canselori Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: safriza@ump.edu.my



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



• 89 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

